



4 Ogos 2011
4 August 2011
P.U. (A) 261

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PROKLAMASI

PROCLAMATION



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PROKLAMASI

OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG,
DENGAN KURNIA ALLAH, KETUA UTAMA NEGARA
BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA

AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN IBNI
AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH
Yang di-Pertuan Agong

BAHAWASANYA seksyen 3 Akta Latihan Khidmat Negara 2003 [*Akta 628*], memperuntukkan bahawa BETA boleh dari semasa ke semasa, melalui proklamasi, mengarahkan bahawa, melainkan jika Akta itu memperuntukkan selainnya, tiap-tiap orang yang—

- (a) pada tarikh proklamasi ini, telah mencapai umur yang ditentukan dalam proklamasi ini, yang tidak kurang daripada enam belas tahun, tetapi belum mencapai umur yang ditentukan dalam proklamasi ini, yang tidak lebih daripada tiga puluh lima tahun; dan
- (b) merupakan warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia,

hendaklah bertanggung untuk menjalani latihan khidmat negara di bawah Akta itu.